

# JKM Pahang terima 11,905 aduan dalam tempoh tiga bulan

Mohd Rafi Mamat - September 2, 2021 @ 11:07am  
bhnews@bh.com.my



Kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang memproses aduan daripada orang ramai. - Foto NSTP/Mohd Rafi Mamat

KUANTAN: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang menerima lebih 11,905 aduan daripada orang ramai yang terkesan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dalam tempoh tiga bulan mulai Jun lalu.

Pengaruhnya, Zulkhairi Zainol Abidin, berkata pihaknya membuka 12 bilik gerakan di setiap daerah termasuk Ibu Pejabat JKM Pahang, di sini yang beroperasi pada waktu pejabat.

Menurutnya, Bilik Gerakan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Lipis menerima 2,035 aduan, manakala PKMD Raub (1,176), PKMD Pekan (1,476), PKMD Bera (1,474), PKMD Maran (1,093), PKMD Bentong (698) dan PKMD Temerloh (637).

Katanya, Bilik Gerakan JKM Pahang dan PKMD Kuantan masing-masing menerima 986 dan 552 aduan.

PDKM Rompin mencatat jumlah aduan terendah sebanyak 381.

"Aduan tertinggi diterima pada Julai sebanyak 4,994, Ogos (4,426) dan Jun (2,485). Jumlah aduan dijangka terus meningkat hingga akhir tahun.

"Aduan yang paling banyak JKM terima ialah membabitkan bantuan bakul makanan dan masalah kewangan. Kita sentiasa prihatin dan bersedia membantu memberi bantuan kewangan dan keperluan asas, termasuk menerusi kerjasama dengan Sekretariat Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang (Makpen) untuk kelancaran agihan," katanya, di sini hari ini.

Beliau berkata, JKM turut menyediakan khidmat kaunseling dan ujian psikologi kepada mereka yang berhadapan masalah hingga menjaskan kehidupan terutama apabila tiada sumber pendapatan disebabkan kehilangan pekerjaan.

Zulkhairi berkata, pihaknya berusaha membantu individu terbabit untuk terus menjalani kehidupan lebih bermakna, produktif dan mencapai kesejahteraan psikologi yang optimum.

"Tidak dinafikan sepanjang PKP dilaksanakan ramai yang menghadapi tekanan hingga sanggup melakukan tindakan yang tidak normal," katanya.